

06/03/2005

Mahathir-Bangsa

TUMPUKAN PERHATIAN KEPADA ISU BESAR, KATA TUN DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 6 April (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad berkata orang Melayu perlu menangani soal-soal yang boleh menggugat kemajuan dan jati diri bangsa seperti gejala rasuah, najis dadah dan penyakit HIV-Aids.

Bekas Perdana Menteri itu berkata isu besar seumpama itulah yang perlu diberikan perhatian, bukannya soal remeh-temeh lain.

Peringatan itu diberikan Dr Mahathir kepada delegasi Biro Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Pemuda Umno diketuai pengerusinya, Azizul Nizam Bidin, yang mengunjunginya di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini.

Ditanya pemberita selepas pertemuan itu berhubung pandangannya mengenai tahap amalan rasuah di negara ini, beliau berkata: "saya fikir kerajaan sedang bersungguh-sungguh (menangani masalah itu). Dan ia bukan bagi saya untuk komen."

Sementara itu, Azizul Nizam memberitahu pemberita, pada perjumpaan itu, Dr Mahathir berkata usaha memerangi rasuah patut bermula dari dalam parti itu sendiri dengan anggotanya bertekad untuk menjauhi amalan tersebut.

"Beliau mengingatkan Pemuda Umno supaya sentiasa mempunyai jati diri yang kuat dalam meneruskan usaha kita untuk memantapkan parti. Dan beliau mengingatkan kita jangan mengamalkan (rasuah)," katanya.

Beliau yang juga anggota Exco Pemuda Umno berkata usaha membasmi rasuah akan mengambil sedikit masa untuk menunjukkan kejayaan.

Azizul Nizam berkata sememangnya kepimpinan Pemuda Umno yang diterajui Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dan Naib Ketua Khairy Jamaluddin menekankan pentingnya anggota pergerakan itu melaksanakan tugas masing-masing dengan menjauhi rasuah dan amalan politik kotor.

Dalam pada itu, Dr Mahathir memberitahu pemberita beliau menyambut baik langkah Pemuda Umno menubuhkan Putera Umno.

Mengenai hasrat seorang kanak-kanak yatim piatu bernama Mahathir Mohamad, 9, dari Pulau Nias, Indonesia, untuk bertemu dengan beliau, bekas Perdana Menteri itu berkata beliau bersedia berbuat demikian jika ada pihak mahu mengaturkan pertemuan tersebut.

"Saya tak ada rancangan nak pergi ke sana. Tapi kalau boleh atur macam mana boleh jumpa, saya nak jumpa jugalah," katanya.

Pulau Nias ialah antara tempat yang teruk terjejas dalam kejadian gempa bumi berukuran 8.5 pada skala Richter yang berpusat di barat pulau Sumatera pada 28 Mac lepas. Gegarannya turut dirasai di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia.

-- BERNAMA

MAM MFJ BK